

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	3/2/2013

Buku Dr. Mahathir dari perspektif masyarakat Islam China

UM-3/2/2013

KUALALUMPUR 2 Feb. - Ketokohan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam memimpin serta membangunkan negara telah menarik minat banyak pihak luar termasuk masyarakat Islam di China bagi mendalami pemikiran dan mengetahui rahsia kejayaan tokoh dunia Islam itu.

Penulis buku *Dr. Mahathir Mohamad with the Chinese Muslims*, Yusuf Liu Baojun berkata, bekas Perdana Menteri itu merupakan pemimpin yang sangat dikagumi, malah menerusi kepimpinannya selama ini telah berjaya membawa Malaysia menjadi negara yang dihormati terutama bagi dunia Islam.

"Sehubungan itu, buku ini ditulis berdasarkan pandangan masyarakat Islam di China tentang ideologi dan pemikiran Dr. Mahathir.

"Di samping tanda penghargaan dan mengimbas kembali perjalanan lawatan Dr. Mahathir dan isteri, Tun

Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali ke komuniti masyarakat Islam di Yingchun, China pada tahun 2010," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Yusuf yang berasal dari sebuah bandar autonomi Islam di Zhang Jia Chuan Hui, China menambah, buku berkenaan diterbitkan dalam dua versi iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Cina.

Buku itu diterbitkan Yayasan Pembangunan Buku Negara dan dijual dengan harga RM40 sebuah sempena Pesta Buku 1Malaysia yang sedang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini sehingga 3 Februari ini.

Yusuf yang juga merupakan Felo Penyelidikan, Institut Pengajian China (ICS), Universiti Malaya berkata, sebelum ini dia pernah menghasilkan 14 buah buku, antaranya *Masyarakat Cina Muslim di Rusia*, *Perkembangan Masyarakat China Muslim di Dunia* dan *A Glimpse at Chinese Muslim*.



YUSUF Liu Baojun menunjukkan buku tulisannya berjudul *Dr. Mahathir Mohamad with the Chinese Muslims* di Kuala Lumpur, semalam.